

Penganalisis, NGO anggap kritikan Dr M tidak wajar

KUALA LUMPUR: Penganalisis politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyifatkan tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad membuat kritikan terbuka terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai sesuatu yang tidak wajar.

Mereka sependapat bahawa sebagai bekas Perdana Menteri dan seorang yang dihormati, Dr Mahathir tidak patut berbuat demikian kerana beliau boleh menyampaikan pandangannya secara peribadi.

Pengarah Eksekutif Pusat Penyelidikan Strategik Malaysia (MSRC), Abdul Razak Baginda, berkata adalah tidak sihat untuk bekas Perdana Menteri menyampaikan kritikan dengan cara itu kepada pengganti yang dipilihnya sendiri.

"Seorang Perdana Menteri bila sudan bersara, ada jalannya untuk kemukakan pendapat... keluarkan pendapat secara terbuka sehingga kata ada yang menikam belakangnya, bukan caranya.

"Jika perkara ini berpanjangan, kredibiliti Dr Mahathir sendiri yang akan terjejas, bukannya Pak Lah," katanya ketika diminta mengulas kritikan Dr Mahathir terhadap Abdullah itu, semalam.

Kelmarin, Dr Mahathir melemparkan kritikan paling keras terhadap

pentadbiran Abdullah termasuk menuduh pengantingnya itu menikam beliau dari belakangserta menyatakan kerajaan baru tidak menepati janji.

Pengerusi Yayasan Kajian dan Strategi Melayu (YKSM), Datuk Dr Mohd Radzi Abdul Latif, berkata Dr Mahathir perlu adil kepada Abdullah kerana tiada seorang Perdana Menteri yang mempunyai 'tongkat sakti' untuk membawa kemajuan cepat kepada negara.

"Dr Mahathir pun diberi 22 tahun untuk membawa kemajuan yang dibanggakan kita. Beliau perlu terima realiti bahawa setiap kepimpinan mempunyai pendekatan berbeza tetapi matlamat yang sama.

"Tanggungjawab dan cabaran Dr Mahathir adalah bukan untuk mempersoalkan apa yang dilakukan Pak Lah, tetapi membantunya. Berusahalah untuk mewujudkan situasi menang-menang," katanya.

Ketua Program Sains Politik, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Ghazali Mayudin, berkata, kritikan terbuka akan mengeruhkan keadaan.

"Kritikan terbuka seolah-olah nak menunjukkan siapa yang lebih hebat, ia tidak menyelesaikan masalah," katanya yang berpendapat dasar yang dibuat kerajaan terdahulu boleh dikaji

semula bergantung kepada keadaan semasa.

Penganalisis politik, Profesor Emeritus Datuk Dr Khoo Kay Kim, berkata corak kepimpinan adalah hak Perdana Menteri sama ada untuk meneruskan dasar lama atau mengemukakan sesuatu yang baru.

"Harapan Dr Mahathir supaya semua dasarnya diteruskan adalah harapan yang tidak begitu realistik sebab seseorang itu bila jadi Perdana Menteri, dari semasa ke semasa akan mencari ikhtiar menyelesaikan masalah," katanya.

Mahaguru dan Pengasas Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia (PSSLM), Datuk Omardin Mauju, berkata pihaknya kesal apabila Dr Mahathir sebagai seorang yang amat disanjung mengeluarkan kritikan seumpama itu terhadap Perdana Menteri.

"Saya rasa perkara macam ini tidak sepatutnya dizahirkan dan jika ada apa-apa perasaan tak senang, boleh berjumpa dengan Perdana Menteri kerana kita tahu Pak Lah adalah orang yang sangat lembut dan baik budi.

"Kita tahu seorang yang lembut, boleh dibawa berunding. Kita harap, Dr Mahathir sebagai orang yang matang dalam politik tidak mencetuskan kontroversi hingga kepercayaan terhadap Umno hilang," katanya.